

Headline	Segera ambil tindakan tangani kebocoran bahan kimia di Semenyih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	15	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	201 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,929
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,786



## Segera ambil tindakan tangani kebocoran bahan kimia di Semenyih

**Semenyih:** Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Gagasan Prihatin Semenyih (GPS) mengesakan satu tindakan segera diambil oleh agensi yang berkenaan bagi menangani kejadian kebocoran bahan kimia di Kampung Sungai Lalang, di sini, kelmarin.

Pengerusinya, Azman Ahmad, berkata ia termasuk menjalankan siasatan, pemantauan dan pembersihan kawasan berkenaan kerana kebocoran membabitkan bahan kimia yang dikhuatiri boleh mengancam nyawa.

"Kami mahukan tindakan segera, setakat ini kami kecewa kerajaan negeri memberi alasan mengatakan perkara itu dalam siasatan.

"Kami khuatir tumpahan bahan kimia itu membahayakan nyawa, dan jika mengalir ke Sungai Semenyih, ia memberi kesan lebih besar sehingga boleh menyebabkan loji air ditutup.

"Oleh itu, kami gesa tindakan bersepadu daripada semua agensi terbabit dan diharap kerajaan negeri tidak menyembunyikan apa-apa daripada penduduk Semenyih," katanya.

Azman berkata demikian kepada pemberita selepas membuat laporan polis di Balai Polis Semenyih berhubung kejadian kebocoran bahan kimia, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Azman berkata laporan dibuat bagi meminta siasatan dijalankan bagi membawa pihak bertanggungjawab di atas insiden itu ke muka pengadilan.

Katanya, GPS juga mahukan peraturan penggunaan dan pelupusan bahan kimia mengikut prosedur mestilah dikuatkuasakan secara mandatori dengan segera.

### Dinasihat cuci muka, tangan

Sementara itu, tinjauan wartawan dan jurugambar *BH* di Kampung Sungai Lalang mendapati laluan masuk ke lokasi kebocoran bahan kimia itu sudah ditutup dan dikawal polis.

Penutupan itu dilakukan kira-kira 250 meter dari tapak kebocoran 10 tong kimia yang dilaporkan berlaku kira-kira pada jam 10 malam, Isnin lalu.

Wartawan dan jurugambar juga dinasihatkan anggota bomba mencuci muka dan tangan sebaik keluar daripada lokasi berkenaan.

Difahamkan, beberapa kilang berhampiran sudah diarahkan berhenti beroperasi bermula semalam selepas kawasan itu diletakkan di bawah Zon Merah mengikut Majlis Keselamatan Negara, Arahan Nombor 20.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Semenyih, Zainal Elias Abdul Aziz, ketika dihubungi, berkata pihaknya terus menjalankan pemantauan di kawasan kejadian.

"Kerja pengalihan tong berisi bahan kimia itu sudah selesai, bagaimanapun sepasukan lapan anggota bersama sebuah jentera dan sepasukan anggota Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) masih ditempatkan di lokasi untuk pemantauan.

"Kawasan kejadian sudah diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Headline	Mangsa ribut dapat bantuan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	56	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	391 cm <sup>2</sup>
Journalist	Amirul Aiman Hamsuddin	AdValue	RM 13,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,434



[FOTO AMIRUL AIMAN HAMSUDDIN /BH]



Amirudin melawat penduduk kampung yang terjejas akibat bencana ribut di Kampung Seri Tiram Jaya, semalam.

Fakta  
nombor

165 RUMAH

terjejas akibat  
ribut Ahad lalu

# Mangsa ribut dapat bantuan

➔ Selangor menerusi MBI tanggung kos baiki bumbung rumah rosak

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

► Tanjung Karang

**M**usibah yang menimpa ratusan penduduk kampung di kawasan ini yang terjejas akibat ribut, Ahad lalu, mendapat perha-

tian kerajaan Selangor yang bersedia menghulurkan bantuan.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor akan memberikan bantuan awal sebanyak RM500 kepada penduduk yang terjejas.

## Bumbung rosak

Katanya, kerajaan negeri menerusi Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) juga akan menanggung semua kos pembaikan bumbung rumah yang rosak dalam kejadian itu.

“Saya difahamkan 165 rumah terbabat dengan bencana ini dan kebanyakannya memerlukan bumbung yang hampir semuanya tercabut.

“Kita akan ganti dan kos di-

tanggung oleh MBI. Ini memang dana yang kita sediakan dari awal tahun untuk bencana di Selangor,” katanya.

Terdahulu, Amirudin menziarahi rumah penduduk kampung yang rosak di Kampung Seri Tiram Jaya, di sini, semalam.

Dalam kejadian pada jam 4 petang Ahad lalu, sembilan kampung iaitu Kampung Parit Satu, Dua, Tiga dan Empat, Kampung Blok B, I, Kampung C, O dan J, Blok D, K, P, V Kampung Seri Tiram Jaya dan Kampung Parit Serong terjejas akibat bencana berkenaan.

Amirudin berkata, bagi rumah yang hampir runtuh keseluruhan binaan akibat ribut, kerajaan negeri akan merujuk bantuan sewajarnya daripada

beberapa agensi antaranya Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerusi projek perumahan rakyat.

“Kerja membaiki pulih bagi rumah dengan kerosakan berskala sederhana mungkin mengambil masa beberapa minggu dan bagi rumah yang rosak hampir keseluruhannya, ia memerlukan sedikit masa kerana nak bina sebuah rumah (baharu) perlu dibuat secara teliti dan ada proses perolehan yang perlu dilalui,” katanya.

Beliau berkata, kejadian ribut itu disifatkan sebagai antara bencana terburuk melanda penduduk di negeri itu kerana membabitkan jumlah mangsa yang agak ramai.

Headline	Tekanan air rendah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	112,050
Page No	18	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	78 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,542
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,625



## Tekanan air rendah

### SAUDARA PENGARANG,

**BEKALAN** air di Taman Dagang Permai, Ampang, Selangor sejak kira-kira sebulan lalu berdepan masalah tekanan rendah. Saya percaya masalah ini bukan berpunca dari rumah sebaliknya paip utama.

Ini kerana air dari tangki di dalam rumah cukup deras, tetapi bekalan dari paip utama sedikit rendah.

Diharapkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dapat mengatasi masalah ini demi keselesaan pengguna.

Diharapkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dapat mengatasi masalah ini demi keselesaan pengguna.

**PENDUDUK**

Taman Dagang Permai

Headline	Surau di terminal bas tiada air		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	112,050
Page No	18	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	128 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,589



## Surau di terminal bas tiada air

### SAUDARA PENGARANG,

**PARA** penumpang dan pengunjung di terminal bas Hentian Akhir Bandar di Shah Alam, Selangor berharap Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dapat menyelesaikan segera masalah ketiadaan air di surau dan tandas di situ.

Mereka berasa kurang selesa terpaksa mengguna tandas di premis lain yang jaraknya hampir 45 meter untuk berwuduk.

Tandas di depan surau pun

Saya sudah menyalurkan aduan kepada MBSA melalui Twitter dan e-mel tetapi tiada tindakan positif dilakukan.

dikunci kerana ketiadaan air. Paling terkesan adalah golongan orang kurang upaya (OKU).

Masalah ini berlaku sejak lapan bulan lalu, namun seolah-olah dibiarkan sahaja oleh pihak berkuasa. Sepatutnya MBSA bertindak serta-merta untuk memperbetulkan keadaan.

Saya sudah menyalurkan aduan kepada MBSA melalui Twitter dan e-mel tetapi tiada tindakan positif dilakukan.

**KAMARUDDIN HASSAN**  
Seksyen 8, Shah Alam

Headline	Mahu respon MPAJ		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	112,050
Page No	19	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	85 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,040



## Mahu respon MPAJ

### SAUDARA PENGARANG,

**PADA** 12 Februari lalu, kira-kira pukul 11 pagi, dua lelaki menaiki sebuah van berhenti di rumah jiran terletak bersebelahan kediaman saya di Taman Dagang Permai, Ampang, Selangor.

Salah seorang daripada mereka keluar dari van sambil memegang sebatang kayu dengan penjerut di hujungnya.

Dia kelihatan cuba menangkap kucing dan anjing yang berkeliaran di situ.

Saya cuma mahukan kepastian sama ada Majlis

Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ada mengarahkan kontraktor berbuat demikian.

Ini kerana saya bimbang kegiatan itu dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

**SURI RUMAH**  
Ampang, Selangor

Headline	Kios MBPJ diperluas ke pasar raya, medan selera		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	47	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	224 cm <sup>2</sup>
Journalist	ROSKHOIRAH YAHYA	AdValue	RM 4,427
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,282



# Kios MBPJ diperluas ke pasar raya, medan selera

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

kota@utusangroup.com.my

**KUALA LUMPUR 13 Feb.**- Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bercadang memperluaskan penggunaan mesin bayaran atau kios di semua pasar raya dan medan selera di kawasan pentadbirannya bagi memudahkan urusan orang ramai.

Timbalan Datuk Bandar, Johary Anuar berkata, bagaimanapun keputusan tersebut akan dibuat selepas melihat sambutan orang ramai terhadap kemudahan berkenaan sehingga hujung tahun ini.

Beliau berkata, buat masa ini pihaknya telah menyediakan lima kios di tiga lokasi terpilih iaitu masing-masing dua unit di lobi Ibu Pejabat MBPJ dan lobi Menara MBPJ manakala sebuah lagi di Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara Damansara.

"Kelima-lima mesin kiosk itu beroperasi setiap hari ber-



**JOHARY ANUAR** melakukan gimik perasmian Kios Bayaran MBPJ di Ibu pejabat MBPJ, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN ONLINE/WAHIDAH ZAINAL

mula dari pukul 7.30 pagi hingga 9 malam termasuk cuti hujung minggu dan cuti umum.

"Antara kemudahan yang boleh dilakukan di mesin kiosk adalah bayaran cukai, kompaun, sewaan dan pelbagai jenis bil. Cagaran tunai ini menepati spesifikasi ciri-ciri keselamatan tunai seperti yang

ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kios Bayaran MBPJ dekat sini baru-baru ini.

Tambah Johary, inisiatif itu dilakukan untuk memudahkan orang ramai menguruskan tanpa perlu datang ke pejabat pihak berkuasa tempatan itu.

Headline	LPP: Antara cabaran dan evolusi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	6,7	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	1630 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 27,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,412

# LPP: Antara cabaran dan evolusi



Tiga mesin sedang beroperasi di sawah padi.

**S**EJAK penubuhan 46 tahun, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) terbukti memenuhi peranan sebagai sebuah agensi yang menyokong kuat agenda Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dalam mentransformasikan sektor pertanian.

Ia sekali gus meningkatkan peranan kerajaan dalam menghadapi isu-isu, cabaran-cabaran dan kehendak-kehendak sektor pertanian agar berdaya saing untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan.

LPP menyokong penuh lima hala tuju kementerian yang telah dirangka dengan memberi penumpuan kepada keselamatan makanan negara (food security and food safety), pembangunan ekonomi luar bandar, serta pelaburan swasta dan perdagangan.

*Pihak terlibat perlu ubah pemikiran, jadi payung kepada ahli demi melindungi kepentingan petani*

LPP yang ditubuhkan pada 14 Februari 1973, berdepan cabaran lebih kompleks dalam menyempurnakan peranan yang semakin mencabar, berhadapan komposisi petani muda yang bertambah meningkat bilangannya, memiliki pelbagai idealisme, di samping terdedah kepada peningkatan teknologi pertanian moden.

LPP agensi bertanggungjawab melahirkan peladang produktif yang berdaya saing dan memberi sumbangan kepada sektor pertanian. LPP yang juga pendaftar kepada Pertubuhan Peladang, bertanggungjawab memastikan kemajuan dan peningkatan sosioekonomi masyarakat tani sentiasa menyokong kepada pembangunan dan pengukuhan aktiviti Pertubuhan Peladang.

Dalam tempoh 46 tahun, LPP telah terbukti menjadi pemacu kepada transformasi industri agromakanan yang dinamik dengan objektif untuk menjamin bekalan makanan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan dalam meningkatkan tahap pendapatan warga tani.

Dalam menghadapi cabaran dinamik yang sedang berlaku, LPP sedang melalui satu lagi evolusi, mengimbangi harapan tinggi masyarakat petani agar memenuhi peranan yang termaktub dalam akta



Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub (duduk, tengah) membuat tinjauan di pusat belian padi PPK Pasir Panjang Selangor.

Pertubuhan Peladang itu sendiri. Semua pihak yang terlibat membangunkan Pertubuhan Peladang berperanan menentukan pertubuhan itu beroperasi, digerakkan dan ditadbir urus dengan baik.

Namun, apa yang boleh dilaksanakan atau diusahakan oleh LPP terhadap pertubuhan peladang ini tidak akan menjadi kenyataan jika pengurusan di tiga peringkat khususnya, tidak dapat menghayati dan melihat betapa pentingnya kerjasama, ilmu, kecekapan, dan kompetensi yang diperlukan oleh semua pihak dalam mengurus tadbir pertubuhan peladang.

LPP telah mewujudkan ruang dan potensi untuk membantu petani. Namun, bagi Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman, organisasi yang telah bertapak 46 tahun ini tidak akan kekal relevan sekiranya pemikiran masih ditakuk lama.

Beliau menyarankan supaya Pertubuhan Peladang terus menjadi payung kepada ahli dengan menzahirkan suara, membela nasib dan melindungi

kepentingan golongan petani di seluruh negara.

Katanya, LPP akan meneruskan usaha memantapkan aktiviti pertanian dan memfokuskan penglibatan Pertubuhan Peladang dan ahli peladang bermula daripada pengeluaran sehinggalah kepada pemasaran hasil.

Menjadi keutamaan LPP dalam merangka strategi bagi memastikan bekalan makanan cukup dan selamat dimakan. LPP juga akan tingkatkan pendapatan kumpulan sasaran dan sumbangan Pertubuhan Peladang kepada sektor pertanian negara.

"Melalui fungsi pendaftar, pembangunan dan pengurusan telah membuktikan LPP masih relevan dan sentiasa memastikan ahli peladang terbelah.

"Melalui Pertubuhan Peladang jugalah pelbagai kemudahan disediakan kepada ahli untuk jalankan aktiviti pertanian bermula dari penyediaan benih dan penanaman sehinggalah pemberian insentif pertanian yang lain seperti baja

Headline	LPP: Antara cabaran dan evolusi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	6,7	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	1630 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 27,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,412

**Kelab pertanian sekolah**  
**diwujudkan di sekolah-sekolah terpilih bagi memupuk minat anak-anak ke arah pertanian. Selain itu, insentif menarik serta khidmat nasihat kepada golongan belia secara berterusan turut disediakan untuk peserta mengusahakan projek-projek pertanian.**  
*- Hamzah*



Pengerusi LPP bersama petani dari Jempol, Negeri Sembilan.

dan racun. Malah, kemudahan pembiayaan dan khidmat kejenteraan turut ditawarkan kepada ahli di samping bantuan khidmat nasihat dalam operasi Peladang," katanya.

#### Cabaran aras baharu LPP

Demi memastikan peranan LPP kekal dinamik dan berupaya menangani tuntutan serta keperluan semasa petani, LPP telah merangka hala tuju yang lebih relevan seiring dengan era yang semakin berubah.

Ketua Pengarah LPP, Hamzah Bahari menyatakan harapan agar warga LPP dan Pertubuhan Peladang bermuhasabah bagi meningkatkan ilmu dan juga memahami sebaik mungkin peranan Pertubuhan Peladang dan peranan setiap individu yang terlibat dalam operasi pertubuhan peladang.

"Sekiranya semua pihak tahu peranan dengan meletakkan amanah, jujur dan integriti di barisan hadapan dalam semua keputusan yang dibuat di Pertubuhan Peladang, Insha-ALLAH akan mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada kumpulan sasaran iaitu seluruh warga tani di seluruh negara.

"Semoga warga LPP dan Pertubuhan Peladang dapat memperoleh iltizam tinggi yang selama ini berpaksi kepada setitik peluh sebutir intan, dibimbing, menapis yang keruh menjadi jernih, membuang yang bengkok - mengambil yang lurus," katanya.

Sebagai peneraju unggul Pertubuhan Peladang, LPP sentiasa berusaha menilai serta menambah baik polisi dan strategi yang dilaksanakan pertubuhan peladang bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan relevan dengan keperluan semasa.

Menurut Hamzah, keahlian seramai 898,760 orang pada tahun 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.94% berbanding tahun sebelumnya.

Peningkatan ini menggambarkan kepercayaan masyarakat tani terhadap perkhidmatan yang diberikan. Cabaran penuaan petani (ageing farmers) merupakan isu global dalam sektor pertanian yang dihadapi telah memberi kesan kepada pertubuhan peladang untuk

lebih maju ke hadapan.

"Pelapis atau golongan muda diperlukan bagi mengusahakan pertanian dan menjamin kelangsungan bekalan makanan. Pelbagai program diadakan bagi menarik minat golongan muda menyertai pertanian melalui keahlian Pertubuhan Peladang, antaranya my agrosis dan kelab pertanian sekolah.

"Kelab pertanian sekolah diwujudkan di sekolah-sekolah terpilih bagi memupuk minat anak-anak ke arah pertanian. Selain itu, insentif menarik serta khidmat nasihat turut disediakan untuk peserta mengusahakan projek-projek pertanian," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya setiap kejayaan yang dilakar usahawan-usahawan Pertubuhan Peladang diketengahkan terutama kepada mereka yang baru menceburi bidang pertanian secara sepenuh masa.

#### Strategi memantapkan agromakanan

Beberapa strategi dan model

perniagaan diwujudkan di setiap aktiviti sepanjang rantaian nilai. LPP telah menyelaras setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang agar selaras dengan perancangan dan hala tuju yang di bentuk.

Tiga aspek utama difokuskan ialah pengeluaran agromakanan, lepas tuai dan pemrosesan serta pemasaran strategi kerajaan mempromosikan bidang pertanian.

Pelbagai insentif dan kemudahan telah dirancang dalam usaha memulihkan persepsi rakyat terutama generasi muda terhadap pertanian. Program-program berteraskan teknologi dan berinovasi diperkenalkan untuk meningkatkan produktiviti sekaligus bantu meningkatkan pendapatan petani.

Kerajaan telah menyediakan pengkhususan bajet bagi pembangunan program pertanian merangkumi aplikasi penggunaan teknologi tinggi dalam pengeluaran buah dan sayuran, peningkatan pembekalan benih berkualiti, penstabilan harga melalui jualan terus dari ladang, pewujudan pasarikan rakyat serta

#### INISIATIF LPP BERKAITAN AGROMAKANAN

- Jaminan bekalan makanan, kecukupan, kebolehdapatan, keselamatan dan mampu beli
- Pembangunan pertanian bernilai tinggi
- Pembangunan pertanian mampan
- Kluster pertanian dinamik
- Memaksimumkan penjanaan pendapatan
- Pelaburan swasta pemangkin transformasi pertanian moden
- Modal insan pertanian bestari dan berinformasi
- Pemodenan pertanian berpacuan penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Teknologi dan inovasi
- Keunggulan khidmat sokongan pertanian.

#### 8 STRATEGI TERAS HALA TUJU LPP

- Mendaulatkan pengeluaran agromakanan
- Mentransformasikan mekanisasi, automasi & Industri Asas Tani (IAT)
- Membangunkan Pertubuhan Peladang sebagai entiti perniagaan & pemangkin pemasaran
- Meremajakan Pertubuhan Peladang
- Mentransformasikan regulatori
- Membangunkan modal insan & profesionalisme anggota/peladang
- Memperkasakan sistem penyampaian yang berkesan
- Memperkasakan teknologi maklumat (IT) sebagai teras kecemerlangan organisasi

penambahbaikan institusi latihan pertanian.

Selain itu, bajet juga disediakan bagi meningkatkan pengeluaran produk makanan dan kesihatan. Bagi membantu petani mengurangkan kos pengeluaran, kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi dan insentif pertanian.

Untuk itu, galakan usahawan, petani dan pekebun kecil dipertingkatkan agar dapat mengoptimalkan amalan agronomi yang baru, pengurusan ladang secara moden, penggunaan jentera baru dan teknologi terkini serta menggiatkan Amalan Pertanian Baik atau juga dikenali sebagai Good Agricultural Practices (GAP).



Hamzah (tiga, kiri) bersama Azulita Salim (dua, kanan) bertemu peladang di Kuala Langat, baru-baru ini. Turut sama, Timbalan Ketua Setiausaha, Datuk Salim Parlan (dua, kiri)



Headline	Mangsa ribut terima RM500		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	321 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Izzatul Izuan Tahir	AdValue	RM 5,476
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,427



# Mangsa ribut terima RM500

## Bantuan awal pada mangsa ribut Tanjung Karang

MOHD IZZATUL IZUAN  
TAHIR

TANJONG KARANG

**K**erajaan negeri menyalurkan bantuan awal sebanyak RM500 kepada penduduk membabitkan 165 kediaman yang terjejas akibat ribut sekitar Tanjung Karang, Ahad lalu.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, setakat ini, Pusat

Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Permatang membantu menguruskan mereka termasuk menyusun senarai nama dan kerosakan dialami.

Malah, katanya, agensi berkaitan termasuk Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor serta Majlis Daerah Kuala Selangor telah membantu memberikan bantuan awal.

"Kita menyalurkan peruntukan bantuan sebanyak RM500 dan akan selesaikan dalam tempoh seminggu ini," katanya ketika melakukan ziarah rumah penduduk terlibat di Kampung Seri Tiram Jaya, semalam.

Amirudin berkata, kerajaan melalui Perbadanan Menteri Besar (MBI) juga bersedia



Amirudin ditemui pada sidang media selepas mengadakan lawatan di beberapa kediaman mangsa ribut di sekitar Tanjung Karang, semalam.

menggantikan bumbung dan membaik pulih rumah penduduk terjejas.

"Kebanyakannya kesan

daripada ribut itu ialah kehilangan bumbung sekitar 20, 30 peratus dan adakahilangan hampir keseluruhan bum-

bung rumah.

"Namun, ada juga sebahagian rumah hampir runtuh keseluruhannya dan tidak

boleh diduduki kerana beberapa asas bangunan tersebut dibawa angin," katanya.

Menurutnya, terdapat tiga kategori bantuan iaitu berdasarkan kerosakan kecil, sederhana dan kritikal.

"Kerosakan kecil ini akan diberi melalui bantuan RM500, manakala kerosakan sederhana pula di bawah tanggungjawab kerajaan negeri dan MBI untuk menguruskannya.

"Bagi kerosakan kritikal pula, kita cuba meminta bantuan Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mahu pun Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR)," katanya.

Headline	MB diberi tempoh seminggu selesai isu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	214 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,650
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,951



## MB diberi tempoh seminggu selesai isu

**TANJONG KARANG** - Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari diberi tempoh seminggu melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan bina baharu rumah penduduk di sembilan kampung di Tanjong Karang yang rosak teruk akibat dilanda ribut, Isnin lalu.

Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar berkata, sekiranya kerja-kerja itu masih tertangguh, maka Amirudin tidak layak menjadi menteri besar.

“Buang masa sajalah beliau (Amirudin) turun padang (menziarahi rumah penduduk), melainkan hanya ingin mendapat publisiti murahan semata-mata.

“Saya berani cabar sebab semasa kita (BN) berkuasa dahulu, kerja-kerja baik pulih rumah dan menghulur bantuan kepada penduduk terlibat dilakukan dengan segera,” katanya ketika menziarahi rumah penduduk di Kampung Seri Tiram Jaya, semalam.

Noh berkata, beliau yang melakukan lawatan dan tinjauan kali kedua di rumah penduduk masih belum berpuas hati dengan tindakan yang diambil kerajaan negeri.

“Kalau setakat hendak menempatkan sementara



**Noh (tiga, kanan) meninjau salah sebuah rumah penduduk terjejas di Kampung Seri Tiram Jaya.**

penduduk di surau sampai bila?. Mereka juga hendak meneruskan kehidupan,” katanya.

Katanya, beliau ingin melihat bagaimana kerajaan negeri bertindak menyelesaikan masalah rakyat itu dengan segera.

“Saya mengalu dan mengucapkan terima kasih kepada menteri besar yang turun padang melihat sendiri keadaan ini.

“Tetapi kalau menteri besar datang, namun tindakannya hanya seperti biasa, lebih baik beliau jangan datang (ke sini),” katanya.

Dalam pada itu, Noh menegaskan, Unit Jawatankuasa

Bencana Daerah sepatutnya melakukan pemantauan berterusan terhadap rumah terlibat dalam kejadian ribut terbabit.

Menurutnya, hasil tinjuannya mendapati, beberapa rumah penduduk yang rosak masih belum dipotong bekalan elektrik hingga dibimbangi mengancam keselamatan.

“Sepatutnya Jawatankuasa Bencana Daerah datang dan mengambil tindakan serentak.

“Janganlah tunggu tuan rumah telefon baru hendak datang membantu. Ini belum lagi soal kemungkinan berlakunya kecurian di rumah terbuka seperti ini,” katanya.

Headline	Kekal waktu operasi UTC Selangor		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	455 cm <sup>2</sup>
Journalist	HASNIZA HUSSAIN	AdValue	RM 7,761
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,283



# Kekal waktu operasi UTC Selangor

**PUAM gesa waktu operasi diselaras untuk memudahkan peniaga, orang awam**

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

**P**ersatuan Usahawan Anggerik Mall (PUAM) menggesa waktu operasi di bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Selangor@Anggerik Mall diselaras dan ditukar kembali kepada waktu asal.

Pengerusinya, Hisham Hashim berkata, gesaan dibuat ekoran penukaran waktu operasi terbaharu bukan saja menjejaskan hasil jualan peniaga di kompleks terbabit, malah menyukarkan orang awam yang datang berurusan di situ.

Beliau berkata, penukaran waktu operasi UTC Selangor itu bukan kali pertama berlaku kerana sebelum ini ia juga sudah ditukar sebanyak dua kali.

Menurutnya, waktu operasi awal adalah pada jam 10 pagi ke 10 ma-

lam, sebelum ditukar kepada jam 8 pagi hingga 7 petang.

Katanya, terkini, waktu operasi ditukar lagi kepada jam 1 petang hingga 10 malam pada hari Isnin hingga Khamis, manakala hari Jumaat ia beroperasi jam 2.45 petang hingga 10 malam.

Bagi hari Sabtu dan Ahad pula katanya, waktu operasi ditetapkan pada jam 8 pagi hingga 5 petang.

"Penukaran waktu operasi yang terkini sangat memberi kesan kepada kami sebagai peniaga di sini... Jualan kami merosot hampir 40 peratus selepas ia (operasi waktu baharu) dikuatkuasakan.

"Pengunjung juga tidak berpuas hati kerana rata-rata mereka datang sejak awal pagi untuk beratur di kaunter UTC di sini tapi operasi hanya bermula pada jam 1 petang," katanya memberitahu waktu operasi UTC Selangor yang tidak seragam itu menimbulkan banyak kekeliruan kepada orang ramai.

Menurutnya, tiada kompleks perniagaan yang memulakan operasi pada jam 1 petang, sedangkan waktu puncak adalah dari jam 8 pagi hingga 12 tengah hari.

"Hasil kajian PUAM juga mendapati, hanya 10 peratus sahaja pengunjung yang berurusan pada



Hisham (duduk, kanan) menunjukkan petisyen yang akan dihantar PUAM kepada pihak berkaitan.

jam 8 malam hingga 10 malam.

"Oleh itu, kami khususnya usahawan di UTC Selangor@Anggerik Mall merayu pihak berkaitan untuk meneliti semula cadangan waktu operasi yang baharu ini dan ditukar kembali kepada jam 8 pagi hingga 7 petang setiap hari," katanya ketika ditemui di kompleks itu, semalam.

Beliau berkata, pihaknya tidak melihat impak positif pelaksanaan waktu baharu ini, malah UTC yang sepatutnya memudahkan urusan orang ramai namun waktu baharu ini membebankan mereka.

Susulan itu, Hisham berkata, PUAM turut menjalankan petisyen pungutan suara serta mengumpul tandatangan peniaga di sini sebagai rayuan kepada pihak berkaitan untuk mempertimbangkan permohonan dibuat termasuk menyelaraskan semua waktu operasi UTC seluruh negara.

"Petisyen ini kita hantar hari ini (semalam) kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Rina Mohd Harun, Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad dan pengurusan UTC," katanya.

## REAKSI



Tak setuju dengan waktu operasi sebelah petang sebab biasanya kebanyakan urusan di agensi-agensinya ni dibuat sebelah pagi."

- Eksekutif swasta, Siti Salwana Mohd Miftah, 38



Saya sokong jika waktu operasi ditukar ke sebelah pagi kerana ia lebih memudahkan orang ramai. Bila datang sini, waktu operasi pula petang, kena menunggu lagi, bazir masa dan tenaga."

- Jurutera, Azmi Sekon, 49



Headline	Penduduk hargai usaha MBPJ atasi isu banjir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	109 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,073
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,219



## Penduduk hargai usaha MBPJ atasi isu banjir

**PETALING JAYA** - Persatuan Penduduk Lengkok Golf SS7 menyambut baik usaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mengambil tindakan jangka pendek bagi mengatasi banjir di kawasan berkenaan.

Timbalan Pengerusinya, Esham Salam berkata, pada Isnin lalu, pihaknya mengadakan mesyuarat bersama MBPJ dan beberapa wakil pemaju bagi mencari penyelesaian berhubung isu itu.

Menurutnya, MBPJ memutuskan melaksanakan beberapa usaha termasuk membina empangan di hulu

serta merobohkan perangkap sampah.

"Kami mengalu-alukan keprihatinan semua pihak khususnya Adun Seri Setia, Halimey Abu Bakar dalam mengatasi isu ini di samping memahami peranan kolam tadahan air di Tasik Lengkok Golf yang menjadi sistem tebatan banjir di sini," katanya.

Pada Disember tahun lalu, sebanyak 26 unit penempatan penduduk terjejas ekoran banjir yang didakwa berpunca daripada projek di kawasan berhampiran.

Selain itu, penduduk turut mempertikaikan keberke-

sanan pelaksanaan projek mitigasi banjir bernilai RM3.5 juta di kawasan berkenaan sebelum ini.

Dalam perkembangan lain, Esham menggesa MBPJ supaya dapat mengeluarkan arahan henti kerja kepada pemaju yang melaksanakan pembinaan jalan akses serta penceroboh kawasan kolam tebatan banjir di kawasan itu.

"Sehingga kini kerja pembinaan masih dijalankan. MBPJ perlu mengambil tindakan kerana pemaju membina jalan akses yang menja- di satu pencerobohan," katanya.



志、吴国民及谢秀。  
胞一起出席大团拜；前排左3起为梁德  
欢迎大家呼朋唤友，包括携同友族同

## 2服務中心首次跨選區聯辦 明日班村大團拜

(巴生13日讯)班达马兰区州议员梁德志服务中心与巴生港口区州议员阿兹米占服务中心，将首次跨选区联办“2019年新春大团拜”，放眼3000名各族同胞一起出席，共襄盛举。

该活动将于本月15日(周五，年十一)晚上7时，在班达马兰华小A校举行，其它合办单位还有巴生国会议员服务中心、班村村委会、巴生市议员谢

秀、吕精伟、纳兰及达尼斯。

筹委会主席吴国民在记者会上指出，为让友族同胞共同欢庆新春佳节，当晚额外特设20桌清真食物予穆斯林，现场也备有自助餐。

他欢迎大家呼朋唤友，包括携同友族同胞一起出席。

“当晚节目非常丰富，包括舞狮舞龙、国标舞、华乐团、幸运抽奖、财神

爷、分派红包予乐龄人士与小孩等，逾50份幸运抽奖的礼物包括50寸、40寸电视机、脚车、礼篮、红包及各类电器等。”

他说，为了防止任何突发事件，大会准备救护车，随时候命，以防万一。

此外，梁德志说，多名国、州、市议员、行政议员、警区主任及消防局代表等皆会出席。

他说，目前已经确认的嘉宾包括雪州行政议员黄思汉、甘纳巴迪劳、莲花苑区州议员黎淮禧、史里肯邦安区州议员欧阳捍华、巴生南区警区主任三苏阿马及副警区主任拉末等。



14 Feb 2019  
China Press, Malaysia

Author: No author available • Section: Central • Page: C14 • Printed Size: 315.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,213.55  
Item ID: MY0035109656



 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

## SUMMARIES

班达 a 兰相议 ft 中心新春大 a 拜 , MAIV. IS RUNLMITERHIKATAHI'N RAfil1 fINA DIN 么矣 ( 金 HS Tarikli'QPD .  
15/2/2019 f Maia tttm : 7, ftOPIVI lrmptat ! \_ 点-班达马兰 , - Ut « A\ SJK( a A 主办 : 班达 R 兰/ emu 竺軻餐会 i# jrm tt  
□□┘. K^ 7A. H47B. Wt.



14 Feb 2019

China Press, Malaysia

Author: No author available • Section: Central • Page: C9 • Printed Size: 295.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,819.04  
Item ID: MY0035109946

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



# 促查化學液體泄露 士毛月關懷陣線報警



■阿兹曼（中）向记者出示报案纸。

（照片来源：国阵面子书专页）

（加影13日讯）非政府组织士毛月关怀阵线（GPS）主席阿兹曼今日向警方报案，要求警方调查发生于士毛月加蕉路的化学液体泄露事故。

阿兹曼说，有关化学液体泄露已威胁士毛月居民健康，若化学液体流入士毛月河，将使到河水受污染，事态严重。

他说，虽然该组织已向州政府投诉化学液体泄露事故，但雪州行政议员许来贤企图转移民众视线，声称故事有可能是有人蓄意搞破坏。

他认为许来贤的说法不负责任。

“这关系到人们的健康与性命，根本没有什麼蓄意搞破坏的事，虽然事件已

有人投诉，但事情一直重复发生。”

他今日到士毛月警局报案后，向记者这样指出。

他说，2017年时任雪州大臣拿督斯里阿兹敏阿里曾承诺，会向破坏环境者采取行动，但破坏环境事故却一直发生。

士毛月加蕉路一间工厂外前天发生不明化学液体泄漏事件，许来贤昨天前往现场了解情况时说，不排除有人在士毛月补选提名前蓄意搞破坏，因这些用来装化学液体的桶都有被人蓄意捅破的痕迹。

现场共有172桶化学液体，其中20桶有被人蓄意敲坏及捅破痕迹，以致化学液体外泄。



14 Feb 2019

China Press, Malaysia

Author: No author available • Section: Central • Page: C9 • Printed Size: 295.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,819.04  
Item ID: MY0035109946

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



## SUMMARIES

IK•阿兹曼 (中) 向记者出示报案纸。(图片来源: 国阵面子书专页) (加影13日讯) 非政府组织士毛月关怀阵线 (GPS) 主席阿兹曼今日向警方报案, 要求警方调查发生于士毛月加蕉路的化学液体泄露事故。阿兹曼说, 有关化学液体泄露已威胁士毛月居民健康, 若化学液体流入士毛月河, 将使到河水受污染, 事态严重。他说, 虽然该组织已向州政府投诉化学液体泄露事故, 但雪州行政议员许来贤企图转移民众视线, 声称故事有可能是有人蓄





### 3造捐助清寒生 20人獲助學金

(吉隆坡13日讯)全民学习辅导教育学会、雪邦区伊斯兰友好协会及梳邦再也市议会第20区,於日前一起举办“2019回返学校清寒学生助学金”仪式,受惠的各族学生共有20名。  
活动也邀请通讯与多媒体部长兼蒲种区国会议员哥宾星出席见证,全民学习辅导教育学会顾问李雪雁,和雪邦区伊斯兰友好协会主席莫哈末卡立,皆出席该活动。

当天也是全民学习辅导教育学会,第一次与雪邦区伊斯兰友好协会及梳邦再也市议员莫汉星合作,目的是为了减轻家长们,在新学年开学时期所要购买上学用品的负担。  
全民学习辅导教育学会现有在沙登区办免费学习班,主要是针对有需要的学生,学生的年级是从小学三年级至中五(高中二)。  
有兴趣了解详情,可以联络颜老师(012-3460903)或陈老师(017-6314280)。



雪雁、莫哈末卡立及莫汉星,与受惠者们合照。  
助学金受惠的学生、学生家长、哥宾星、李



14 Feb 2019  
China Press, Malaysia

Author: No author available • Section: Central • Page: C10 • Printed Size: 326.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,430.53  
Item ID: MY0035108957



[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

### 3造捐助清寒生

20人獲助學金(吉隆坡IS日訊) 全民学习辅导教育学会、雪邦区伊斯兰友好协会及梳邦再也市议会第20区，於日前一起举办“2019回返学校清寒学生助学金”仪式，受惠的各族受生丑有20名活动也i请通讯5与多媒体部长兼蒲种区国会议员哥宾星出席见证，全民学习辅导教育学会顾问李雪雁，和雪邦区伊斯兰友好协会主席莫哈末卡立，皆出席该活动。当天也是全民学习辅导教育学会，第一次与雪邦区伊斯兰友好协会及

Learning For All (LFA), Sepang IKRAM and Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) held Back-To-School voucher presentation ceremony for 20 underprivileged students. It was the first time LFA cooperated with Sepang IKRAM and MPSJ with the aim of easing the burden of parents to prepare for the new school year.



# 士毛月化學液體洩漏 警方開檔調查

(吉隆坡13日讯)日前发生士毛月1间工厂外的化学液体泄漏事件，被指是有人蓄意在补选提名前搞破坏后，警方目前开档调查，以对毒物的疏忽行为角度调查此案。

加影警区主任阿末查菲尔助理总监说，警方是於前晚10时40分接获民众投报，指士毛月双溪拉朗路一间工厂外有50桶化学液体泄漏，因此赶抵现场探查，并召来消拯局、加影市议会和环境局到场协助调查。

他说，当局在现场发现171桶红蓝色的化学液体，一旦泄露可造成眼睛不舒服，而桶上有注明是来自隆市蕉赖。

他说，事发现场是森林范围，若要进入现场必须路径一些工厂，因此警方将调阅附近工厂的闭路电视。

“科学鉴证组已经抽取案发现场的泥土和液体进行化验，而环境局将负责清理现场。”

他说，警方目前将调查泄漏化学液体的有关人士，目前援引刑事法典第284条文（对毒物的疏忽行为），并促请知情者可联络查案官威卡南，电话号码019-4737108，提供情报。

## 有人蓄意搞破壞

根据该条文，一旦罪成可被判处最高6个月、或不超过2000令吉罚款，或两者兼施。

较早前，消拯局接获投报指雪州士毛月一间工厂外有发生化学液体泄漏后，出动消拯局危险物品特别拯救部队（Hazmat）到场进行清理工作，最后证实没有人命伤亡事件发生。

而雪州行政议员许来贤事后也到现场了解情况，并指不排除有人在士毛月补选提名前，蓄意搞破坏，因这些用来装化学液体的桶都有被人蓄意捅破的痕迹。



14 Feb 2019  
China Press, Malaysia

Author: No author available • Section: Nation • Page: A9 • Printed Size: 218.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 4,300.17  
Item ID: MY0035109159

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



## SUMMARIES

### 士毛月化學液體洩漏

•方開檔調查(吉隆坡13日訊) 日前发生士毛月1间工厂外的化学液体泄漏事件，被指是有人蓄意在补选提名前搞破坏后，警方目前开档调查，以对毒物的疏忽行为角度调查此案。°加  
影警区主任阿末查菲尔助理总监说，警方是於前晚10时40分接获民众投报，指士毛月双溪拉朗路一间工厂外有50桶化学液体泄漏，因此赶抵现场探查，并召来消防局、加影市议会和环境局到场协助调查。他说，当局在现场发现171桶



益山集团垃圾承包商的外劳。  
蔡耀宗（左）与团队成功抓到一名假冒达鲁



■蔡耀宗通知警员来到太子园商业区，对外劳的行为展开调查。

## 假冒垃圾承包商員工

# 外勞逐戶討紅包

（安邦13日讯）外劳假冒垃圾承包商員工，逐戶向商販索取紅包，发新年財！

安邦再也市議員蔡耀宗接获安邦太子园商販的投訴，农历新年期間，有自称是达鲁益山集团（KDEB）垃圾承包商的外劳索取紅包，但是态度恶劣，令商販感到不滿。

他今日与团队在商业区成功抓到一名身穿达鲁益山集团标志衣服的孟加拉外劳，经过向达鲁益山集团查证，证实此人并非承包商的員工。

### 報警處理

“我们在他身上找到很多紅包，已经報警處理。”

他指出，达鲁益山集团早前已经向旗下的承包商下达指示，不许向商販或居民索取紅包，若对方主动给他们紅包则另当别论。

由于公众无法辨识垃圾承包商員工的真伪，他奉劝商民别轻易相信讨紅包的人士。



14 Feb 2019  
China Press, Malaysia

Author: No author available • Section: Central • Page: C14 • Printed Size: 477.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 9,409.09  
Item ID: MY0035109645



 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

•益  
